

Kandungan Menarik Kunci Kejayaan Sebagai *YouTuber*




Oleh: Muhammad Fathuddin Bin Mohd Salimi

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 2 Julai 2021

YouTube merupakan salah satu saluran media sosial yang popular di dunia ketika ini. Video pelbagai genre yang ditayangkan melalui YouTube menarik jutaan tontonan dan angka itu semakin bertambah setiap hari.



Laman YouTube Mark Harisson

Kewujudan YouTube juga telah membuka ruang kepada netizen yang kreatif dan bijak mencipta kandungan unik serta segar untuk menjana pendapatan sehingga mencecah ribuan ringgit sebulan.

Golongan yang popular dengan gelaran *YouTuber* ini bijak menjana pendapatan dengan menggunakan peranti seperti telefon pintar.

Walau bagaimanapun, tidak semua *YouTuber* layak menerima ganjaran hasil iklan yang ditayangkan dalam video yang mereka siarkan.

YouTube menetapkan beberapa kriteria sebelum mereka boleh menyiarkan iklan dalam video yang dimuat naik ke platform media sosial berkenaan.

Antaranya, *YouTuber* terbabit mesti mempunyai sekurang-kurangnya 1,000 pengikut yang melanggan saluran mereka.

Selain itu, saluran YouTube mereka mesti menerima sekurang-kurangnya 4,000 jam tontonan dalam masa setahun serta kandungan tidak melanggar peraturan komuniti yang ditetapkan.

Memang kelihatan seperti sukar untuk dipenuhi namun dengan kandungan serta gaya penyampaian yang menarik, kriteria yang ditetapkan YouTube itu boleh dicapai.

Antara genre kandungan yang mampu memikat ramai penonton adalah travelog, nyanyian atau permainan video yang disiarkan secara langsung.



Gambar hiasan

Travelog atau rakaman video tentang aktiviti kembara seperti melancong ke tempat-tempat menarik di dalam atau luar negara menjadi tumpuan ramai netizen semasa musim pandemik.

Sekatan perjalanan yang dikuatkuasakan di seluruh dunia sejak tahun lalu menyebabkan ramai yang tidak dapat melancong seperti dahulu.

Jadi, mereka menonton video berkaitan travelog dalam YouTube untuk melepaskan perasaan gian terhadap aktiviti yang digemari itu.

Selain memaparkan tentang kisah perjalanan, *Youtuber* juga boleh memuatkan beberapa aktiviti menarik semasa melancong seperti menaiki belon udara, mandi air terjun dan menyelam.

Youtuber terkemuka yang menyiarkan video travelog seperti Mark Harrison dan Priscilla Lee memanfaatkan kreativiti masing-masing dengan menyunting karya mereka dan memasukkan pelbagai kesan agar kelihatan menarik.



Gambar hiasan

Selain itu, genre masakan turut menarik perhatian ramai netizen yang menggemari aktiviti berkenaan terutamanya kaum wanita.

Antara *Youtuber* tempatan yang terkenal dan sering berkongsi resipi serta tip rahsia dalam masakan mereka ialah Khairul Ameng, Azie Kitchen dan Che Nom.

Selain berkongsi resipi, mereka juga menjual produk makanan sendiri sekali gus mampu menjana pendapatan tambahan untuk mereka.



Gambar hiasan

Gambar di atas memaparkan seorang *Youtuber* tempatan bernama Dahlia Farhana. Beliau sering menyanyikan lagu-lagu yang menarik di Malaysia.

Video yang berdurasi tiga minit 38 saat itu telah mendapat 421,412 tontonan dan menerima 18,000 'like'. Ini membuktikan bahawa antara kandungan yang paling menarik dan sangat disukai orang ramai adalah nyanyian.

Ramai rakyat Malaysia sangat menggemari muzik dan suka menghiburkan dengan aktiviti tersebut setiap hari.

Sememangnya, penghasilan kandungan yang menarik dalam video YouTube berupaya meraih pengikut yang ramai dan masa tontonan yang tinggi.

Kedua-dua faktor tersebut amat penting bagi mereka yang ingin menjadikan bayaran hasil iklan dari YouTube sebagai punca pendapatan utama.

Apa yang lebih penting, video yang dihasilkan hendaklah asli bagi mengelakkan dikenakan tindakan oleh pihak lain kerana melanggar undang-undang berkaitan hak cipta.